

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam dialog yang diberi.

<i>Bagaimanakah</i>	<i>Siapakah</i>	<i>Mengapakah</i>	<i>bilakah</i>
<i>hendak</i>	<i>Harus</i>	<i>akan</i>	<i>baru</i>

- Aziz : Selamat sejahtera, adik apa khabar?
- Mus : Khabar baik, abang. _____ cuaca di Jordan?
- Aziz : Cuaca di sini baik. Ayah dan ibu di mana? Adik, tolong panggilkan mereka.
- Mus : Ayah dan ibu berada di ruang tamu. Mereka sedang melayan tetamu.
- Aziz : _____ yang datang adik?
- Mus : Encik Zakaria dan Puan Aminah. Abang _____ bercakap dengan ayah dan ibu?
- Aziz : Ya,adik. Sebenarnya abang mahu memberitahu mereka tentang tarikh kepulangan abang ke Malaysia.
- Mus : Abang akan pulang bila?
- Aziz : Abang _____ pulang pada hujung bulan ini.

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

ketika	Sementara	atau	dan
Walaupun	yang	setelah	dalam

Pada minggu lepas, Lukman Hakim menyambut hari lahirnya _____ ke-10. Ibunya telah memasak sebiji kek. _____ menunggu kek masak, ibu _____ kakaknya menghias rumah. Ayahnya pula menghadiahkan Lukman Hakim seutas jam tangan yang dibelinya _____ melancong ke China.